

Rahsia kenderaan plat Thai

■ KPDNHEP rampas 1,205kg minyak masak, 240kg tepung gandum

Syaherah Mustafa
 am@hmetro.com.my

Rantau Panjang

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menggalkan cubaan menyelidip tepung gandum dan minyak masak ke negara jiran di Kompleks Imigrasi, Kastam dan Kuarantin (ICQS) di sini, kelmarin.

Dalam Operasi Bersepadu jam 12 tengah hari bersama Batalion 7 Pasukan Gerakan Am (PGA7), pihak berkuasa menemui 1,205 kilogram (kg) minyak masak dan 240kg tepung gandum disembunyikan di dalam, kenderaan pacuan empat roda yang menggunakan nombor pendaftaran Thailand.

Pihak berkuasa menahan suspek lelaki dan wanita warga Thailand berusia 30 an hingga 40 an yang berada di dalam kenderaan itu untuk siasatan lanjut.

Pengarah KPDNHEP Kelantan, Adnan Abd Rahman berkata, susulan penahanan itu, anggota bertugas menyedut sebuah premis di pekan Rantau Panjang disyaki menyimpan barangan kawa-

Adnan berkata, suspek didapati melakukan beberapa kesalahan iaitu menyimpan barang kawalan melebihi had, menjual barang kawalan kepada individu tidak berlesen dan gagal menyelenggara buku stok dengan lengkap.

"Ini adalah satu kesalahan di bawah Peraturan 9(1), Peraturan 9(2) dan Peraturan 13(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 22 Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Bagi kesalahan ini individu yang terbabit boleh didenda sehingga RM1 juta atau dipenjarakan lebih tiga tahun dan bagi syarikat boleh didenda sehingga RM2 juta," katanya.

Menurutnya, KPDNHEP Kelantan akan terus bekerjasama dengan agensi penguat kuasa sempadan bagi memastikan subsidi dimati rakyat negara ini dan tidak berlaku ketirisan yang merugikan kerajaan.

"Semua pihak dimasalahkan untuk sentiasa mematuhi undang-undang supaya isu penyeludupan barang kawalan dapat ditangani dengan berkesan," katanya.



ADNAN (tiga dari kiri) bersama Azhari (tiga dari kanan) menunjukkan minyak masak dan tepung gandum yang dirampas dalam Operasi Bersepadu di Markas Taktikal PGA Briged Tenggara.

di sini, kelmarin.

Hadir sama, Pegawai Perintah PGA7, Superintendan Azhari Nusi yang turut mengetuai operasi berkenaan bermula sejak jam 10 pagi hingga 5 petang, kelmarin.

gara jiran.

"Kami percaya semua barangan kawalan itu akan dijual semula di negara jiran dengan harga yang lebih mahal," katanya di Markas Taktikal PGA Briged Tenggara

lan melebihi had kuantiti di-

benarkan selain menjualnya kepada warga asing.

"Hasil serbuan, kami menemui 5,780kg tepung gandum dan 240kg minyak rna-

rang (termasuk di dalam pacuan empat roda) yang dirampas bernilai RM59,336.

"Siasatan awal mendapati premis itu dijadikan stor menyimpan barangan kawalan sebelum diseludup ke ne-